

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT , PENGGAL KE(NOT SET)
PARLIMEN KE(NOT SET)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 Julai 2013

SOALAN

Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa keselamatan kanak-kanak perempuan di bawah umur terpelihara daripada salah laku rogol (statutory rape) seperti kes Noor Afizal Azizan yang diringankan hukuman tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan gejala jenayah rogol bawah umur (statutory rape) dan perkahwinan bawah umur. Sebagai negara pihak (state party) kepada 2 konvensyen antarabangsa yang diratifikasi pada tahun 1995, iaitu Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melindungi golongan wanita dan kanak-kanak daripada sebarang bentuk eksploitasi, keganasan dan penderaan daripada aspek fizikal, mental, emosi dan psikologi. Kes Rogol Bawah Umur di Sabah Bagi kes rogol bawah umur di Sabah yang menjadi perhatian masyarakat baru-baru ini, kes tersebut masih dalam prosiding Mahkamah dan tidak digugurkan. Pada masa yang sama, suspek telah didakwa pada 3 Jun 2013 di Mahkamah Khas Rasuah bagi kesalahan memberi rasuah kepada keluarga mangsa untuk menarik balik laporan kes rogol. Dakwaan rasuah adalah di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]. Merujuk kepada kes tersebut, pegawai Kementerian telah berjumpa dengan ibu bapa dan kanak-kanak terbabit pada 23 Mei 2013. Walau bagaimanapun, Kementerian menghormati keputusan ibu bapa kanak-kanak tersebut yang masih belum bersedia untuk menerima perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian kepada kanak-kanak tersebut. Kes Rogol Bawah Umur (Statutory Rape) Undang-undang negara menetapkan bahawa hubungan seksual dengan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun, dengan atau tanpa kerelaan, dikategorikan kes rogol bawah umur. Perkara ini termaktub di bawah perenggan 375(g) Kanun Keseksaan yang dipinda melalui Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 [Akta A 1273] yang dikuatkuasakan pada 27 September 2006 melalui P.U. (B) 321/2007. Di bawah subseksyen 376(1) Kanun Keseksaan, hukuman bagi kesalahan rogol bawah umur 16 tahun dengan kerelaan boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan dikenakan sebatan. Manakala di bawah subseksyen 376(2)(d) bagi kesalahan rogol bawah umur 16 tahun tanpa kerelaan dan di bawah subseksyen 376(2)(e) bagi kesalahan rogol bawah umur 12 tahun sama ada dengan kerelaan atau tanpa kerelaan, pesalah rogol boleh dipenjarakan 5 hingga 30 tahun dan dikenakan sebatan. Sebagai makluman, Kanun Keseksaan telah dipinda sebanyak empat (4) kali iaitu pada tahun 2001, 2003, 2006 dan 2007 bagi menambah baik Kanun Keseksaan untuk melindungi kepentingan anggota masyarakat khususnya wanita dan kanak-kanak. Kes Noor Afizal Azizan Yang Diringankan Hukuman Bagi kes pemain bowling tenpin kebangsaan di Melaka, Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk memberikan bon berkelakuan baik kepada seseorang pesalah terutama pesalah muda yang berumur di atas 18 tahun dan di bawah 21 tahun yang disabitkan dengan kesalahan atas faktor-faktor yang boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah adalah lebih wajar bagi pesalah muda itu tidak dipenjarakan bagi maksud kebajikan dan kebajikanannya. Berhubung kes Noor Afizal Azizan, pihak Mahkamah Sesyen telah menggunakan Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah untuk mengenakan bon RM25,000.00 untuk berkelakuan baik selama 5 tahun kepada tertuduh memandangkan Noor Afizal Azizan berumur 19 tahun semasa kesalahan berlaku. Tambahan pula, Mahkamah Sesyen mendapati untuk kes terbabit, hubungan seksual yang terjadi merupakan atas kerelaan mangsa dan tiada apa-apa bukti yang menunjukkan unsur-unsur paksaan atau keganasan berlaku terhadap mangsa. Mahkamah Rayuan untuk kes Noor Afizal Azizan mengesahkan keputusan Mahkamah Sesyen dan mengetepikan keputusan rayuan Mahkamah Tinggi dengan maksud supaya tertuduh diberikan peluang kedua untuk berubah. Seksyen 294 bukanlah bermaksud untuk menghapuskan kesalahan yang dilakukan tertuduh dan dalam perkara ini sebenarnya tertuduh telah disabitkan dan sabitan beliau direkodkan. Jika tertuduh melanggar terma dan syarat bon beliau akan ditangkap dan dikenakan hukuman rogol dengan sewajarnya. Keputusan Mahkamah Rayuan tidak boleh dijadikan sebagai kayu ukuran bahawa semua kes yang melibatkan pesalah muda akan menggunakan seksyen 294 kerana setiap kes adalah berbeza dan bergantung kepada fakta. Selaras dengan perkembangan tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menghormati keputusan pihak Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman ke atas Noor Afizal Azizan yang didapati bersalah dalam kes rogol bawah umur. Secara ringkasnya, Kementerian berpendapatan Undang-Undang sedia ada adalah memadai untuk melindungi anggota masyarakat khususnya wanita daripada kes rogol dan rogol bawah umur. Walau

bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif untuk meneliti Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah untuk tindakan penambahbaikan. Perkahwinan Bawah Umur Berhubung perkahwinan bawah umur untuk orang Islam, Seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] atau peruntukan yang sama dalam Ordinan dan Enakmen-Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri lain memperuntukkan perempuan yang berumur bawah 16 tahun perlu mendapatkan perintah kebenaran nikah bawah umur dari Mahkamah Syariah. Manakala seksyen 10 Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164), memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan di kalangan bukan Islam di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu pihak berumur di bawah 18 tahun. Walau bagaimanapun, pihak perempuan dibolehkan berkahwin jika berumur di bawah 18 tahun tetapi telah mencapai 16 tahun dengan syarat mendapat lesen daripada YAB Ketua Menteri/Menteri Besar/Menteri Wilayah Persekutuan seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen 21(2), Akta 164. Bagi golongan bukan Islam di Sarawak, perkahwinan bawah umur 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada bapa atau ibu atau penjaga serta kelulusan oleh ketua masyarakat. Perkara ini adalah di bawah Ordinan Majlis Adat Istiadat Sarawak 1977 [No. 5], Adat Iban 1993, Adat Bidayuh 1994, Adat Kayan-Kenyah 1994, Adat Lun Bawang 2004, Adat Bisaya 2004, Ordinan Mahkamah Anak Negeri 1992, Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri 1993 dan Ordinan Adat Anak Negeri (Pengisytiharan) 1996. Manakala perkahwinan bawah umur di Sabah pula perlu mendapat kebenaran Mahkamah Anak Negeri. Bagi menangani isu perkahwinan bawah umur, kerajaan melalui Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak telah menubuhkan satu task force bagi meneliti isu yang dibangkitkan oleh orang ramai. Task force ini ditubuhkan pada 31 Mei 2013 dan dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Madya. Dr. Datin Nor Aziah Awal, Pakar Perundangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Ahli task force terdiri daripada agensi yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kesihatan serta ahli akademik dan aktivis kanak-kanak. Antara perkara yang akan diberi pertimbangan ialah kemungkinan untuk mensyaratkan penyediaan dua jenis laporan iaitu laporan kesihatan oleh doktor perubatan dan laporan sosial oleh pakar psikologi kanak-kanak. Kedua-dua laporan ini mungkin dapat membantu Mahkamah Syariah (untuk kes orang Islam) dan YAB Ketua Menteri/Menteri Besar (untuk kes orang bukan Islam) membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum memberi kelulusan untuk perkahwinan bawah umur.

